

PERJUANGAN KESATUAN MELAYU MUDA DALAM
PERKEMBANGAN POLITIK MELAYU 1937-45.

OLEH:

MASHHOR B. KASLAIN

PENYELIA:

DR. CHEAH BOON KHENG

Latihan Ilmiah Ini Adalah Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Keperluan Ijazah Sar-
jana Muda Sastera Dengan Kepujian (B.A. Hons).

BAHAGIAN SEJARAH

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

SESSI 1985/86

untuk,

kedua ayah dan ibu
yang telah banyak berkorban untukku;

serta,

Furah, Seri, Hasnidar dan Asfa
yang diingati.

Penghargaan

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng sebagai penyelia kerana telah memberi dorongan, menyemak dan membetulkan semula beberapa kelemahan yang terdapat dalam latihan ilmiah ini. Di samping itu saya juga mengucapkan terimakasih kepada Dr. Paul H. Kratoska iaitu sebagai penasihat akademik yang telah memberi nasihat dan panduan yang amat berguna mengenai hal-hal akademik. Kepada pensyarah-pensyarah terutamanya Dr. R. Suntharalingam, En. Leong Yee Fong, En. Fadlullah Jamil, Dr. Badriyah Hj. Salleh dan pensyarah-pensyarah lain di bahagian sejarah, saya juga mengucapkan rasa terimakasih kerana telah mendapat banyak manfaat dari kuliah-kuliah yang mereka berikan sepanjang pengajian saya di universiti ini.

Sepanjang penyelidikan untuk kajian latihan ilmiah ini, penulis telah banyak mendapat bantuan dan kerjasama yang amat menuaskan dari pihak-pihak tertentu seperti Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Selangor dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia sendiri.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada En. Mustafa Husain iaitu bekas Naib Yang Dipertua Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang telah sudi meluangkan masa memberi butir-butir dan keterangan lanjut mengenai kesatuan tersebut dalam perjuangannya. Beliau sebagai salah seorang yang telah terlibat secara langsung dalam pertubuhan politik tersebut telah memberi beberapa mak-

lumat baru melalui temubual penulis dengan beliau.

Akhir sekali kepada rakan-rakan seperjuangan dari bahagian sejarah di Universiti Sains Malaysia ini, tidak ketinggalan diucapkan terimakasih atas dorongan dan semangat yang diberikan dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Mashhor Kaslain,
Bahagian Sejarah,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.
20 Februari, 1986.

Prakata

Penulisan latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengkaji sebuah pertubuhan politik sayap kiri Melayu yang pertama muncul di negara ini iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM). Aspek-aspek yang ditekankan dalam kajian ini adalah meliputi soal-soal penubuhan, kepimpinan, perkembangan dan seterusnya perjuangannya dalam arena politik tanahair sebelum dan semasa pendudukan Jepun di negara ini iaitu antara tahun 1937-1945.

Dalam bab pertama, saya telah menggambarkan secara ringkas mengenai perkembangan politik Melayu sebelum kemunculan Kesatuan Melayu Muda melalui dua aspek utama. Pertamanya mengenai latarbelakang penubuhan Kesatuan Melayu Muda dan keduanya tentang kemunculan aliran kanan dan aliran kiri dalam politik orang-orang Melayu.

Dalam bab kedua pula, perbincangan adalah ditumpukan kepada Kesatuan Melayu Muda itu sendiri. Isu-isu yang ditekankan dalam bahagian ini ialah berhubung dengan penubuhan dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya, struktur organisasinya sebagai sebuah pertubuhan politik dan juga dasar-dasar perjuangannya.

Seterusnya dalam bab ketiga, perbincangan adalah ditumpukan kepada perjuangan kesatuan itu sendiri dari sejak ia-nya ditubuhkan sehinggalah di zaman pendudukan Jepun dan selepasnya. Bab ini dapatlah dianggap sebagai teras kajian kerana dalam bab ini khususnya di zaman Jepun merupakan perjuangan